



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Manuver Tentera 1983

DR.30/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

**RANG UNDANG-UNDANG MANUVER
TENTERA 1983**

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
 2. Tafsiran.
 3. Pengisytiharan kawasan manuver atau kawasan tembak.
 4. Kuasa Ketua Turus Angkatan Tentera untuk membenarkan Latihan Manuver dijalankan.
 5. Notis Manuver Tentera.
 6. Bila notis tidak diperlukan.
 7. Kuasa orang-orang yang mengambil bahagian dalam manuver tentera.
 8. Manuver tentera dan latihan menembak tidak boleh dijalankan di dalam kawasan tadahan kerja-kerja air.
 9. Kesalahan.
 10. Pampasan bagi kerosakan.
 11. Had masa bagi tuntutan pampasan.
 12. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah.
 13. Penalti bagi pelanggaran kaedah-kaedah.
 14. Pemansuhan.
- JADUAL.**

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk menyatukan undang-undang berhubung dengan manuver tentera.

[]
MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Manuver Tentera 1983 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Akta ini adalah terpakai di seluruh Malaysia.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya meng- Tafsiran.
hendaki makna yang lain—

“angkatan pelawat” ertinya apa-apa badan, kontingen atau detacmen angkatan sesuatu negara yang sedang berada dengan sahnya di sisi undang-undang di Malaysia menurut sesuatu triti, perjanjian atau perkiraan yang Kerajaan Malaysia menjadi pihak;

“kawasan manuver” ertinya mana-mana tanah, laut, perairan pasang surut atau pantai yang diisytiharkan di bawah seksyen 3 di mana manuver tentera boleh dijalankan;

“kawasan tembak” ertinya mana-mana tanah, laut, perairan pasang surut atau pantai yang diisytiharkan di bawah seksyen 3 untuk menjalankan latihan-latihan meriam atau repal, tembakan di udara, latihan-latihan menggugurkan bom atau menggugurkan torpedo termasuk menggunakan apa-apa senjata yang ditembakkan di darat, dari laut atau dari pesawat udara dalam penerbangan;

“Majlis Angkatan Tentera” ertinya Majlis yang ditubuhkan di bawah Perkara 137 Perlembagaan Persekutuan;

“manuver tentera” ertinya apa-apa atur-kedudukan askar, bedil, kenderaan, kapal atau pesawat udara yang dijalankan di mana-mana tanah, laut, perairan pasang surut, pantai atau udara oleh angkatan tentera atau mana-mana angkatan pelawat;

“Pemungut” ertinya, di Malaysia Barat dan Sabah, “Pemungut” sebagaimana ditakrifkan masing-masingnya dalam Kanun Tanah Negara 1965 dan Ordinan Tanah Sabah, dan di Sarawak, “Pengaroh” sebagaimana ditakrifkan dalam Kanun Tanah Sarawak.

56/65.
Sabah
Bab 68.
Swk. Bab 81.

Peng-
isytiharan
kawasan
manuver
atau
kawasan
tembak.

3. Yang di-Pertuan Agong, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan di mana manuver tentera akan diadakan, boleh dari semasa ke semasa, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisytiharkan bahawa mana-mana kawasan yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu hendaklah menjadi kawasan manuver atau kawasan tembak dan, boleh dari semasa ke semasa, dengan cara yang sama, mengisytiharkan bahawa kawasan itu hendaklah terhenti dari menjadi kawasan manuver atau kawasan tembak, mengikut mana yang berkenaan.

Kuasa
Ketua Turus
Angkatan
Tentera
untuk mem-
benarkan
latihan
manuver
dijalankan.

4. Ketua Turus Angkatan Tentera adalah mempunyai kuasa—

(a) untuk membenarkan manuver tentera dijalankan bagi maksud latihan di mana-mana bahagian kawasan manuver pada bila-bila masa;

(b) untuk mengarahkan supaya manuver tentera dijalankan dalam kawasan manuver tanpa memberi notis yang dikehendaki oleh subseksyen (1) seksyen 5;

(c) untuk menyebabkan, pada bila-bila masa, latihan menembak sama ada di darat, dari laut atau dari udara, eksperimen-eksperimen dalam mengendalikan meriam, apa-apa perbuatan atau amalan yang bersampingan dengan latihan atau eksperimen itu, latihan mengebom atau torpedo atau lain-lain manuver tentera dijalankan di kawasan tembak, dengan memberi tidak

kurang daripada tujuh hari notis mengenainya kepada penduduk-penduduk tanah di mana latihan, eksperimen, perbuatan atau amalan itu akan dijalankan, dengan mengibarkan suatu bendera merah di suatu tempat yang mudah dilihat dalam kawasan tembak itu; dan

(d) untuk menyebabkan dibuang mana-mana bangunan atau tumbuhan dalam kawasan tembak itu yang mungkin menghalang atau mengganggu perjalanan sepenuhnya hak yang diberi oleh Akta ini, dan untuk melarang apa-apa bangunan baru didirikan atau tumbuh-tumbuhan ditanam dalam kawasan tembak tersebut.

5. (1) Apabila bilangan askar yang akan mengambil bahagian dalam sesuatu manuver tentera itu melebihi seribu orang, notis dalam Borang A hendaklah diberi kepada Kerajaan Negeri, yang kemudiannya akan memberitahu Pihak Berkuasa Negeri, sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh yang dicadangkan untuk menjalankan manuver tentera itu, dengan menyatakan tarikh permulaan manuver tentera itu dan tempoh manuver tentera itu akan dijalankan yang tidak melebihi tiga bulan, dan sempadan kasar kawasan manuver tentera tersebut.

Notis
Manuver
Tentera.

(2) Notis itu hendaklah juga menyatakan suatu tarikh yang tidak lebih awal daripada satu bulan dari tarikh tamatnya manuver tentera itu untuk menghantar tuntutan-tuntutan pampasan yang berbangkit daripada penguatkuasaan mana-mana peruntukan Akta ini kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.

(3) Kerajaan Negeri hendaklah menyebabkan salinan-salinan notis itu ditempelkan di tiap-tiap kampung dan di tempat-tempat lain yang sesuai dalam kawasan yang tersebut dalam notis itu, sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum tarikh yang dinyatakan bagi permulaan manuver tentera itu.

6. Apabila bilangan askar yang akan mengambil bahagian dalam manuver tentera itu tidak melebihi seribu orang, notis yang tersebut dalam subseksyen (1) seksyen 5 adalah tidak perlu, dengan syarat bahawa jika notis tidak diberi manuver tentera itu tidak boleh dijalankan melebihi tempoh empat puluh lapan jam.

Bila notis
tidak
diperlukan.

Kuasa orang-orang yang mengambil bahagian dalam manuver tentera.

7. (1) Apabila sesuatu manuver tentera dijalankan di bawah Akta ini, orang-orang yang mengambil bahagian dalam manuver tentera itu boleh, dalam kawasan yang dinyatakan dalam notis itu, jika ada, dan selama tempoh yang dinyatakan itu—

- (a) lalu dan berkhemah, membina kerja-kerja tentera bukan berbentuk tetap dan menjalankan manuver tentera atas mana-mana tanah; dan
- (b) mengambil bekalan air dari apa-apa sumber awam atau persendirian, dan bagi maksud itu boleh mengempang sesuatu aliran air:

Dengan syarat bahawa pengempangan itu tidak mengganggu apa-apa tred atau perindustrian.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini membenarkan—

- (a) air diambil dari sesuatu sumber bekalan kepunyaan empunya persendirian atau pihak berkuasa awam, selain daripada bekalan yang ditunjukkan sebagai dikehendaki oleh mereka yang berhak menggunakan bekalan air itu menurut Akta ini; dan
- (b) mana-mana rumah kediaman, tempat sembahyang, sekolah, kilang, stor atau premis yang digunakan untuk menjalankan apa-apa perniagaan atau pengilangan atau mana-mana kawasan yang bersampingan dengan mana-mana tempat ibadat atau sekolah atau mana-mana premis yang dilingkungi atau bersampingan dengan sesuatu rumah kediaman, dimasuki atau diganggu.

(3) Apabila tamatnya sesuatu manuver tentera, semua kerja tentera, empangan atau struktur-struktur lain yang dibuat atau dilakukan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuang dan apa-apa kerosakan yang dilakukan terhadap harta hendaklah dibaiki dan harta itu ditinggalkan dalam keadaan hampir-hampir sama sebagaimana keadaannya sebelum manuver tentera itu.

8. Tiada sesuatu manuver tentera atau latihan menembak boleh dijalankan dan tiada sesuatu perkhemahan tentera boleh dibuat atas mana-mana tanah yang menjadi sebahagian daripada kawasan tadahan berkaitan dengan kolam empangan sesuatu kerja raya air atau atas mana-mana tanah yang dikhaskan untuk menakung air bagi bekalan mana-mana kerja raya air.

Manuver tentera dan latihan menembak tidak boleh dijalankan di dalam kawasan tadahan kerja-kerja air.

9. (1) Jika dalam masa berjalannya sesuatu manuver tentera mana-mana orang—

Kesalahan.

(a) yang dengan sengaja dan secara salah di sisi undang-undang mengganggu perjalanan manuver tentera itu; atau

(b) yang tanpa kebenaran wajar memasuki atau berada dalam sesuatu khemah,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan orang itu serta mana-mana binatang atau kenderaan di bawah jagaannya boleh dipindahkan oleh mana-mana pegawai polis atau dengan perintah mana-mana pegawai tentera bertauliah angkatan yang mengambil bahagian dalam manuver tentera itu.

(2) Jika dalam masa berjalannya sesuatu manuver tentera mana-mana orang—

(a) tanpa kebenaran wajar, yang memindahkan sesuatu bendera atau tanda lain, yang menunjukkan mana-mana tanah bagi maksud-maksud manuver tentera itu; atau

(b) yang dengan niat jahat memotong atau merosakkan apa-apa dawai telegraf atau telefon yang direntangi oleh atau bagi kegunaan tentera yang mengambil bahagian dalam manuver tentera itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

10. (1) Pampasan sepenuhnya hendaklah dibayar bagi apa-apa kerosakan kepada orang atau harta atau gangguan kepada hak-hak atau keistimewaan yang

Pampasan bagi kerosakan.

berbangkit dari penguatkuasaan mana-mana peruntukan Akta ini sama ada atau tidak disebabkan oleh perbuatan-perbuatan atau kemungkiran-kemungkiran angkatan-angkatan yang mengambil bahagian dalam manuver tentera itu, termasuk juga dalam pampasan itu semua perbelanjaan yang dilakukan secara berpatutan bagi melindungi orang, harta, hak dan keistimewaan, dan apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh berat yang berlebihan atau trafik luarbiasa ke atas mana-mana lebuh raya yang bagi membaikinya, suatu badan awam atau orang perseorangan adalah bertanggungjawab.

(2) Pampasan hendaklah dibayar kepada semua orang yang menghantar tuntutan mereka kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan di bawah subseksyen (2) seksyen 5 dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau, jika tidak ada notis serupa itu, dalam tempoh enam bulan dari tarikh tamatnya manuver tentera itu.

(3) Sebagai tambahan kepada apa-apa pampasan berkenaan dengan kerosakan yang boleh diawardkan pampasan di bawah subseksyen (2), pampasan hendaklah juga dibayar kepada empunya atau penduduk tanah atau kedua-keduanya mengenai tanah dalam sesuatu kawasan tembak ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang berbangkit dari tanah yang dipunyai atau diduduki oleh mereka yang diisytiharkan dan digunakan sebagai kawasan tembak di bawah Akta ini.

(4) Pampasan itu hendaklah, melainkan jika dipersetujui selainnya, dibayar sebagai sewa tahunan yang kena dibayar kepada tiap-tiap orang yang berhak mendapat pampasan itu selagi tanah yang dibayar pampasan itu terus menjadi kawasan tembak.

(5) Amaun pampasan adalah sebagaimana yang dipersetujui antara Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan pihak menuntut, dan jika amaun pampasan tidak dapat diputuskan melalui perjanjian, tuntutan itu hendaklah dikemukakan kepada Pemungut bagi daerah itu dan Pemungut hendaklah selepas menjalankan apa-apa siasatan yang difikirkannya patut menetapkan amaun pampasan yang kena dibayar.

(6) Mana-mana pihak menuntut yang terkilan dengan keputusan Pemungut boleh, tidak lewat daripada satu bulan selepas tarikh keputusan itu, merujukkan perkara itu kepada timbangtara mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang timbangtara yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

11. (1) Tiap-tiap tuntutan bagi pampasan di bawah subseksyen (3) seksyen 10 hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, dalam tempoh enam bulan selepas tanah, laut, perairan pasang surut atau pantai, mengikut mana yang berkenaan, yang dibuat tuntutan telah digunakan sebagai kawasan tembak bagi maksud-maksud manuver tentera menurut kuasa suatu pengisytiharan di bawah Akta ini.

Had masa bagi tuntutan pampasan.

(2) Tiada apa-apa pampasan boleh diberi bagi apa-apa bangunan yang didirikan atau mula didirikan selepas kaedah-kaedah di bawah seksyen 12 ditampalkan.

12. (1) Majlis Angkatan Tentera boleh membuat kaedah-kaedah untuk memastikan keselamatan orang ramai dalam masa manuver tentera atau dalam masa sesuatu kawasan tembak digunakan bagi maksud-maksud manuver tentera, dan boleh, dengan kaedah-kaedah itu—

Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah.

(a) mengeluarkan semua orang yang tidak mengambil bahagian dalam manuver tentera itu daripada keseluruhan atau mana-mana bahagian kawasan tembak pada masa manuver tentera itu sedang dijalankan;

(b) mengawal kelakuan mana-mana orang yang dibenarkan berada dalam kawasan tembak pada masa manuver tentera itu sedang dijalankan; dan

(c) menetapkan apa-apa perkara lain yang dikehendaki ditetapkan oleh Akta ini.

(2) Semua kaedah-kaedah hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan salinan-salinannya hendaklah ditampalkan sekurang-kurangnya di tiga tempat yang mudah dilihat dalam atau berhampiran dengan kawasan manuver atau kawasan tembak itu.

(3) Jika sesuatu kawasan yang baginya kaedah-kaedah ini terpakai mengandungi apa-apa laut atau perairan pasang surut, atau pantai bagi laut atau perairan pasang surut itu, dan sempadan kawasan itu tidak mudah, pada pendapat Majlis Angkatan Tentera, ditanda dengan tanda-tanda tetap, sempadan-sempadan itu hendaklah diperihalkan dalam kaedah-kaedah itu dan hendaklah disifatkan telah ditanda dengan secukupnya bagi maksud-maksud Akta ini jika, pada masa kawasan itu sedang digunakan bagi maksud-maksud tentera, langkah-langkah yang mencukupi adalah diambil untuk memberi amaran kepada orang ramai supaya tidak memasuki kawasan itu.

Penalti bagi pelanggaran kaedah-kaedah.

13. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen 12 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan.

Pemansuhan.
NMB.
Bab 43,
N.S. Bab 103,
Ordinan
Sabah 26/59
dan
Ordinan
Swk. Bab 23.

14. Enakmen Manuver Tentera Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Ordinan Manuver Tentera Negeri-Negeri Selat, Ordinan Manuver Tentera Sabah 1959 dan Ordinan Manuver Tentera Sarawak adalah dimansuhkan.

JADUAL

BORANG A

AKTA MANUVER TENTERA 1983

(Seksyen 5)

NOTIS MANUVER TENTERA

Adalah dengan ini diberitahu bahawa suatu manuver tentera akan dijalankan di tempat yang diperihalkan di bawah, termasuk tanah-tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lot atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang berhampiran, selama tempoh.....hari mulai dari.....haribulan.....19.....

2. Adalah diberitahu selanjutnya bahawa mana-mana empunya atau penduduk tanah yang mengalami kerugian atau kerosakan akibat manuver tentera ini dan yang berhasrat hendak membuat tuntutan pampasan bagi kerugian atau kerosakan itu boleh mengemukakan tuntutan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur, dalam tempoh enam bulan daripada tamatnya manuver tentera itu.

Bertarikh pada.....haribulan.....19.....

Daerah.....

Mukim

Pekan

Perihal tempat itu.....

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan menyatukan undang-undang berhubungan dengan manuver tentera bagi Angkatan Tentera dan dengan yang demikian itu memansuhkan Enakmen Manuver Tentera Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Ordinan Manuver Tentera Negeri-Negeri Selat, Ordinan Manuver Tentera Sabah 1959 dan Ordinan Manuver Tentera Sarawak.

2. *Fasal 1* adalah berkenaan dengan tajuk ringkas, mula berkuat-kuasa dan pemakaian Rang Undang-Undang ini dan *Fasal 2* adalah berkenaan dengan tafsiran. *Fasal 3* memberikuasa kepada Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan kawasan-kawasan yang akan dijadikan kawasan manuver atau kawasan tembak dan *Fasal 4* memberikuasa kepada Ketua Turus Angkatan Tentera membenarkan latihan manuver dan latihan menembak dijalankan. *Fasal 5* mengadakan peruntukan bagi memberi notis kepada Kerajaan Negeri bagi negeri yang berkenaan mengenai manuver tentera itu jika bilangan askar yang mengambil bahagian adalah lebih daripada seribu orang. *Fasal 6* adalah berkenaan dengan keadaan-keadaan di mana notis itu tidak dikehendaki.

3. *Fasal 7* memberikuasa kepada orang-orang yang mengambil bahagian dalam manuver tentera untuk lalu dan berkhemah, membina kerja-kerja tentera bukan jenis tetap dengan syarat bahawa mereka tidak memasuki atau mengganggu mana-mana rumah kediaman, tempat ibadat, sekolah, kilang, stor atau premis yang digunakan bagi menjalankan apa-apa perniagaan atau perkilangan. *Fasal* ini juga memberi kuasa kepada orang-orang

yang mengambil bahagian dalam manuver tentera itu hak untuk mendapatkan bekalan air daripada apa-apa sumber dan mengempang mana-mana aliran air dengan syarat bahawa pengempangan itu tidak mengganggu apa-apa tred atau perindustrian.

4. *Fasal 8* melarang sesuatu manuver tentera dijalankan dalam kawasan tadahan kerja-kerja air. *Fasal 9* memperuntukkan penalti bagi orang-orang yang melakukan apa-apa kesalahan pada masa sesuatu manuver tentera sedang dijalankan.

5. *Fasal 10* adalah berkenaan dengan pembayaran pampasan kepada mereka yang mengalami kerosakan dan kerugian akibat manuver tentera itu dan *Fasal 11* menghadkan masa dalam mana tuntutan-tuntutan bagi mendapatkan pampasan boleh dibuat.

6. *Fasal 12* memberi kuasa kepada Majlis Angkatan Tentera membuat kaedah-kaedah bagi memastikan keselamatan awam dalam masa manuver tentera itu dan *Fasal 13* memperuntukkan hukuman bagi pelanggaran kaedah-kaedah itu. *Fasal 14* mengadakan peruntukan bagi memansuhkan Enakmen-Enakmen dan Ordinan-Ordinan Manuver Tentera yang sedia ada di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak masing-masingnya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 839.]